

**PEKELILING PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.**  
**BILANGAN 1/1969.**

---

Masaalah Yang Berbangkit Daripada Hal-hal Tanah.

Adalah dimaklumkan saya ingin menarik perhatian Penghulu-penghulu iaitu mungkin ada masaalah tanah yang berbangkit di dalam mukim Penghulu-penghulu seperti pencerobohan atau rentahan secara haram bagi tanah-tanah Kerajaan.

2. Saya ingin mendapat kerjasama Penghulu-penghulu supaya kejadian seperti di atas dapat dielakkan. Yang di kuatir sekali ialah jika mithalnya ada satu kawasan tanah Kerajaan yang dicadangkan untuk satu-satu kumpulan, maka tiba-tiba satu kumpulan yang lain pula datang menceroboh atau memerintah tanah yang sama, samada dengan galakan dari satu-satu pihak atau tidak. Perkara semacam ini Penghulu-penghulu adalah terlibat secara langsung atau tidak langsung.

3. Diharap Penghulu-penghulu hendaklah menggunakan kebijaksanaan bagi menjauhkan berlakunya sebarang perkara yang tidak di ingini yang boleh merosakkan nama baik Kerajaan atau mencabar Pentadbiran Tanah Negeri ini. Yang demikian Penghulu-penghulu di amarahkan bagi mengambil tindakan dan berutus dengan Pemungut Hasil Tanah dengan seberapa segera jika ada kemungkinan masalah-masalah tanah seperti yang diterangkan diperenggan 2 di atas di dalam mukim Penghulu-penghulu.

4. Seperkara lagi saya sukacita mendapat kerjasama Penghulu-penghulu bagi membantu Jabatan-jabatan Kerajaan yang ingin mendapat pertolongan seperti bagi mendapatkan kebenaran tuan-tuan tanah untuk melalui lintas di atas tanah-tanah mereka. Penghulu-penghulu sedia maklum pada masa ini banyak projek-projek Kerajaan sedang dibina di dalam kampung-kampung. Masaalah yang selalu berbangkit ialah banyak diantara tuan-tuan tanah menahan lor-lori Kerajaan atau Pemborrong-pemborong yang melintasi di atas tanah-tanah mereka di dalam pembinaan projek tersebut. Perkara semacam ini adalah mengendalikan pembinaan projek tersebut.

5. Oleh itu Penghulu-penghulu hendaklah bukan sahaja memberi 100% kerjasama daripada Kerajaan bahkan hendaklah berikhtiar dengan sedaya upayanya memberi penerangan atas dasar-dasar rancangan Kerajaan supaya anak-anak mukim tidak ragu-ragu dan membantah semua projek Kerajaan.

t.t.  
(Dato' Mohamad bin Ibrahim)  
Pesuruhjaya Tanah dan Galian,  
Terengganu.

Bil. (59) dlm. P.T.G.TR. 209/62.

S.K.  
Y.B Setiausaha Kerajaan, Terengganu  
Pegawai Kemajuan negeri, Terengganu  
Semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah,  
Jurutera Negeri, JKR., Terengganu.  
Jurutera Parit dan Talialir Negeri, Terengganu.

Kuala Terengganu, 14hb. April, 1969.